



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْاِخْوَانِ الْمُسْلِمِيْنَ فِي سَبَاڤِ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

09 SAFAR 1445H / 25 OGOS 2023M

KEMERDEKAAN YANG WAJIB DISYUKURI

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 21/08/2023

PEGAWAI PENYEMAK : AWANG JURI BIN AG TAHIR

Timbalan Pengarah (Hal Ehwal Islam)
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 22/08/2023

DIBACA PADA : 25/08/2023

DILULUSKAN OLEH: OEH HARUDIN HJ ALWI

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ^ط وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

(إبراهيم (14): 7)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَي حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ

الأنبياء والمرسلين، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى

يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ

الْمُتَّقُونَ.

SAUDARAKU JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Saya berpesan pada diri khatib terlebih dahulu, seterusnya memperingatkan Jamaah Jumaat sekalian, agar marilah kita meningkatkan nilai ketakwaan kita. Nilai ketakwaan yang dijana melalui pengabdian diri hanya kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan Sunnah baginda Rasulullah SAW, serta meninggalkan segala apa yang dilarang mahupun yang ditegah. Khatib minggu ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk : ***“KEMERDEKAAN NIKMAT YANG WAJIB DISYUKURI”***.

JAMAAH JUMAAH YANG DIKASIHI,

Tinggal beberapa hari sahaja lagi menjelang tarikh 31 Ogos 2023 Masihi. Pelbagai program telahpun dirancang tanda meraikan kemerdekaan negara kita Malaysia kali yang ke-66. Di sana sini kita melihat premis-premis, kawasan perumahan, bangunan kerajaan atau swasta mahupun di jalanraya telah dihiasi dengan pengibaran Jalur Gemilang dan diapit bersama bandera Negeri Sabah. Di Masjid, surau atau rumah ada yang menyambutnya dengan amalan membaca surah Yasin, tahlil dan doa kesyukuran. Malah ada juga di sesetengah tempat acara-acara seperti tazkirah atau forum kemerdekaan turut diimarahkan. Satu pendekatan kerohanian yang pastinya mampu menyuntik semangat kemerdekaan yang harus dihargai dan disyukuri.

Begitulah besar maknanya sebuah kemerdekaan. Ianya merupakan impian hidup setiap rakyat sesebuah negara yang berdaulat. Kemerdekaan tidak ternilai nikmatnya, kerana ia memberi peluang kepada sesebuah negara menentukan hala tuju dan masa depan. Namun amat malang sekali, andai

ada individu atau segelintir masyarakat yang mendiami negara ini, namun masih gagal memahami sepenuhnya makna kemerdekaan yang dikecapi.

JAMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Negara kita Malaysia yang merdeka, tidak hanya dinikmati oleh satu bangsa yang dominan. Akan tetapi ianya turut dikongsi bersama secara harmoni pelbagai bangsa dan etnik. Pelbagai suka duka turut dilalui rakyat negara ini sehingga akhirnya kita menikmati pembangunan dan kemajuan dalam pelbagai lapangan. Kemajuan negara yang kita kecapai kini bukan sahaja sumbangan besar kepemimpinan negara, malah ianya melibatkan komitmen dan rasa kebertanggungjawaban pelbagai lapisan masyarakat atau rakyat dalam memastikan kehidupan kita berubah. Jika sesuatu bangsa ataupun negara ingin mengubah nasib mereka, maka perubahan itu hendaklah bermula daripada kesedaran rakyat dan kepimpinan sesuatu bangsa itu sendiri. Allah SWT menegaskan melalui surah ar-Ra'd, ayat 11 :

...إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا

فَلَا مَرَدَّ لَهُ ۗ وَمَا لَهُمْ مِّنْ دُونِهِ مِن وَّالٍ

Yang bermaksud : "... Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapaupun yang dapat menolak atau menahan apa

yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapaupun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya.”

SAUDARAKU JAMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Kemerdekaan negara yang kita kecapai hari ini amat perlu disyukuri. Masih ramai di luar sana yang mencemburui pencapaian kita, malahan ada yang ingin melihat negara ini porak peranda dengan mencetuskan pelbagai provokasi dan sentimen kebencian terhadap keistimewaan suatu bangsa dalam negara ini. Justeru semua lapisan bangsa dan rakyat di negara ini perlu mengamalkan sikap toleransi antara satu sama lain dengan menjunjung prinsip Rukun Negara yang telah menjadi teras panduan dan gagasan kebangsaan negara Malaysia.

Bersyukurlah, hari ini kita masih boleh bangun daripada tidur dengan tenang, berpakaian, berkenderaan ke pejabat, bekerja dalam hembusan penghawa dingin dengan selesa dan pada petangnya pula balik ke rumah bertemu insan tersayang. Bersyukurlah, keselamatan dan kedaulatan negara dijaga dengan sepenuh hati dan jiwa raga oleh pihak berkuasa. Tanpa mereka, lena kita tidak mungkin setenang ini, makan kita tidak mungkin senikmat ini. Bersyukurlah, agar nikmat kemerdekaan, keamanan, kesejahteraan dan kedamaian yang kita kecapai ini berpanjangan dan insya Allah berkekalan dengan izin Allah SWT. Cuba kita renungi dan hayati firman Allah menerusi surah Ibrahim ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Yang bermaksud : *"Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras".*

SAUDARAKU YANG DIKASIHI,

Hidup di zaman millennium ini, pengaruh media massa adalah amat besar. Ia mampu berperanan untuk menyeru ke arah perpaduan ataupun sebaliknya mencetuskan perpecahan. Justeru umat Islam hendaklah memainkan peranan penting mengelak persengketaan daripada berlarutan. Umat Islam tidak boleh berdiam diri serta berpeluk tubuh sahaja melihat apa yang berlaku di depan mata tanpa ada usaha untuk mengatasi permasalahan yang berlaku.

Maka sebagai umat Islam dan warganegara yang merdeka, hendaklah kita mengisi kemerdekaan dengan acuan dan panduan ajaran Islam yang mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia. Adalah wajar bagi kita meraikan kepelbagaian agama dan budaya negara ini, dengan memupuk amalan toleransi dan saling menghormati antara satu sama lain. Sebarang isu yang berlaku, perlu ditangani secara berhemah dan harmoni melalui musyawarah bagi mengelak berlakunya konflik yang berpanjangan. Pepatah Melayu pernah menukilkan *"bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat"*.

Dalam hal ini, Rasulullah SAW juga turut menegaskan kepada kita agar sentiasa menjaga imej umat Islam dan membenteras perbuatan-perbuatan yang boleh mencemari kesempurnaan Islam itu sendiri. Seperti mana

sabda Baginda SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang **bermaksud** :

“Bantulah saudara kamu yang zalim atau yang dizalimi. Lalu seorang sahabat bertanya: “Wahai Rasullulah, kami membantu orang yang dizalimi, bagaimana pula kami perlu membantu orang yang melakukan kezaliman? Baginda menjawab: Dengan Menghalang atau melarang daripada dia melakukan kezaliman, itulah cara membantunya”.

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Menyimpul khutbah minggu ini, khatib ingin berpesan sekali lagi marilah kita terus berusaha meningkatkan nilai ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala yang diperintah serta meninggalkan apa yang dicegah. Sesungguhnya kemerdekaan yang kita nikmati hari ini perlu terus dipelihara, agar ianya dapat diwarisi oleh generasi selanjutnya.

Justeru itu, ada tiga saranan penting yang perlu kita berikan tumpuan dalam mengekalkan kemerdekaan negara yang berdaulat ini : *Pertama*, ingatlah bahawa pembangunan dan kemajuan negara ini hanya mampu dijana dengan adanya jalinan perpaduan dan kebersamaan antara pemimpin dan rakyat. *Kedua*, Nikmat Kemerdekaan, Keharmonian dan Keamanan negara perlu disyukuri dan tidak dicemari dengan perbuatan-perbuatan yang boleh mencetuskan persengketaan dan api perkauman, dan yang *ketiga*, mengisi kemerdekaan negara dengan acuan

dan panduan yang disyariatkan Islam, di samping sentiasa meraikan kepelbagaian dengan penuh hikmah dan harmoni.

Ketahuilah, sesungguhnya masyarakat yang bersatu padu dan bekerjasama dapat mewujudkan keharmonian yang menjadi pemangkin kepada kemakmuran dan kestabilan sesebuah negara. Sebaliknya masyarakat yang tidak bersatu padu, berisiko menghadapi masalah kegawatan ekonomi, perpecahan dan seterusnya boleh melenyapkan nikmat kemerdekaan dan kedaulatan negara. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nahl ayat 53 :

وَمَا بِكُمْ مِّنْ نُّعْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ ^{عَلَيْكُمْ} ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمْ الضَّرُّ فَالِيهِ تَجْرُؤُونَ

Yang bermaksud : *“Dan apa-apa nikmat Yang ada pada kamu maka adalah ia dari Allah; Kemudian, apabila kamu ditimpa kesusahan maka kepada-Nyalah kamu memohon pertolongan.”*

بَارِكِ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ

قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ

وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنِ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتَةَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصَّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَقْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلْدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لِعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com